

CIMB-Principal lancar Dana Pertumbuhan berasas Islam

KUALA LUMPUR 28 Mei - CIMB-Principal Management Berhad (CIMB-Principal) hari ini melancarkan Dana Struktur Pertumbuhan berasaskan Islam yang memberi pelabur-pelabur perlindungan asas.

Ketua Eksekutif CIMB-Principal, Noripah Kamsu dalam satu kenyataan berkata, dana itu juga memberi peluang kepada pelabur membuat untung ke atas modal dalam tempoh tiga tahun menerusi kombinasi ekuiti antarabangsa, hartanah dan aset komoditi.

"Memandangkan dana ini patuh Syariah, ia menyediakan skop yang lebih luas bagi pelabur yang layak untuk melabur dalam dana ini.

"Pelabur runcit lebih mampu membuat pelaburan dalam dana ini kerana ia tidak mengenakan yuran pengurusan, selain jumlah pelaburan yang minimum sebanyak RM10,000, berbanding produk berstruktur tradisional yang secara tradisinya menetapkan pelaburan minimum berjumlah RM250,000," katanya.

"Dengan menggabungkan tiga kelas aset kepada empat bahagian berlainan, dana ini mampu memaksimumkan potensi keuntungan. Bagaimanapun, peluang adalah terhad," katanya.

Beliau berkata, tawaran dana itu

Daripada 40 waran belian itu, CIMB akan menerbitkan 20 waran belian bagi saham dan indeks asing

CHARON WARDINI MOKHZANI
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Bhd.

akan ditutup kepada pelabur-pelabur baru pada 6 Julai ini, atau lebih awal sekiranya dana ini telah habis dilanggan sepenuhnya.

"Dana ini ialah dana tertutup berakhir selama tiga tahun dengan yuran permohonan sebanyak 2.50 peratus daripada jumlah aset bersih setiap unit," tambah beliau.

Katanya, jika pelabur ingin mengeluarkan wang pelaburan mereka lebih awal daripada tempoh kematangan dana, maka yuran pengeluaran sehingga 1.5 peratus akan dikenakan dan perlindungan asas tidak akan diberikan.

"Harga jualan seunit permulaan ialah RM0.50 dan saiz dana yang telah diluluskan ialah 400 juta unit," katanya.

Sementara itu, pada satu majlis berasingan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Bhd. (CIMB Investment), Charon Wardini Mokhzani berkata, bank itu menjangka menerbitkan 40 waran belian

menerusi prospektus asas keduanya yang baru dilancarkan, pada tahun ini.

Katanya, daripada 40 waran belian itu, CIMB akan menerbitkan 20 waran belian bagi saham dan indeks asing.

"Terbitan seterusnya akan berdasarkan kepada saham asing dalam zon masa Asia," katanya kepada pemberita selepas pelancaran prospektus waran berstruktur baru syarikat di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai kriteria pemilihan saham itu, Charon berkata: "Ia mesti anggota Persekutuan Bursa Dunia, diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan purata permodalan pasaran harian sekurang-kurangnya RM3 bilion sejak tiga bulan lepas atau RM5 bilion bagi syarikat yang baru disenaraikan."

Mengenai prospektus yang baru dilancarkan itu, Charon berkata, ia membolehkan CIMB menerbitkan waran berstruktur seperti waran belian, waran belian



CHARON WARDINI MOKHZANI

kumpulan dan struktur berkaitan ekuiti bul dalam saham pendasar tempatan dan juga asing.

Beliau berkata, prospektus asas ini sah bagi tempoh setahun sehingga 27 Mei, 2008, dan setiap tawaran waran berstruktur akan disertakan dengan lembar ber-tempoh.

"Pelabur runcit dan institusi Malaysia kini akan mempunyai peluang untuk mendapat pendedahan saham asing sebagai sebahagian daripada harga saham pendasar



NORIPAH KAMSO

tanpa perlu membuka akaun dagangan luar negara atau akaun mata wang asing," katanya.

Sempena pelancaran prospektus asas kedua itu, CIMB menerbitkan empat waran belian saham biasa Bursa Malaysia Bhd., Telekom Malaysia Bhd., HSBC Holdings Plc dan Singapore Telecommunications Ltd.

Waran belian itu telah pun terlebih langgan, kata pengarah unit derivatif ekuiti, CIMB Lim Jong Hau.

Tanjong ambil alih Globeleq berharga RM1.67 bilion

KUALA LUMPUR 28 Mei - Tanjong Plc melalui anak syarikatnya, Pendekar Energy (I) Ltd. (PEL), sedang mengambil langkah untuk mengambil alih Globeleq Ltd. yang diperbadankan di Bermuda, yang mempunyai tujuh aset loji kuasa pada harga RM1.673 bilion (AS\$493 juta).

Bagi tujuan itu, PEL telah menandatangani satu perjanjian pembelian saham bersyarat hari ini dengan CDC Globeleq Holdings Ltd untuk mengambil alih keseluruhan kepentingan dalam Globeleq Ltd, yang termasuk modal yang diterbitkan dan berbayar.

PEL, anak syarikat milik 55 peratus Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd., yang sebaliknya merupakan anak syarikat milik penuh Tanjong.

Baki pemilikan 45 peratus saham dalam PEL dipegang oleh Aljomal Automotive Co, sebuah syarikat persendirian terhad yang diperbadankan di Arab Saudi.

Kumpulan Globeleq Ltd. memiliki kepentingan dalam tujuh aset penajaan kuasa di Mesir, Bangladesh, Pakistan dan Sri Lanka yang mempunyai keupayaan kapasiti yang disatukan sebanyak 1,434 megawatt, kata Tanjong dalam satu pengumuman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kumpulan Tanjong akan membiayai bahagian pembelannya berjumlah AS\$271 juta (atau kira-kira RM920 juta) secara campuran dana dalaman dan pinjaman bank, katanya.

Pengambilan alih itu dijangka selesai dalam suku ketiga 2007.

Tanjong telah mengantungi dagangan sahamnya hari ini dan akan memulakan semula dagangan esok. Kali terakhir ia didagangkan pada harga RM19.20.

Prudential lancar Enhanced Income Fund RM300j

KUALA LUMPUR 28 Mei - Prudential Fund Management Bhd. (PFMB) hari ini melancarkan dana barunya, Prudential Enhanced Income Fund, dengan saiz dana RM300 juta dengan 70 peratus daripadanya akan dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap tempatan.

Pengarah Jualan dan Edaran PFMB, Paul Khoo berkata, baki 30 peratus dana itu akan dilaburkan dalam ekuiti asing, sekuriti berkaitan ekuiti dan skim pelaburan kolektif yang pada asasnya melabur dalam pasaran-pasaran Asia Pasifik.

Dana itu menawarkan 600 juta unit yang dijual pada harga 50 sen

seunit dengan pelaburan minimum RM1,000 dan pelaburan seterusnya sekurang-kurangnya RM100.

Tempoh tawaran adalah antara 29 Mei dan 17 Jun, 2007. Khoo berkata, dana itu dibahagikan kepada tiga kelas aset iaitu sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, serta skim pelaburan kolektif.

Dana itu bertujuan memberikan aliran pendapatan yang teguh dan peluang peningkatan modal kepada pelaburnya dengan sasaran pengalihan pendapatan sekali dalam setiap enam bulan, bergantung kepada prestasi akhir, katanya kepada pemberita

selepas pelancaran dana itu di sini.

Beliau berkata, dana itu bertujuan memberi pendapatan walaupun semasa pasaran lembap, dan melalui pemeliharaan tiga kelas aset itu, ia dirangka untuk mengurangkan turun naik pelaburan dalam kelas aset, dan memaloksimumkan potensi pendapatan.

"Dana ini bertujuan memberi perlindungan daripada inflasi. Dalam perbandingan 10 tahun yang kami lakukan, dana ini berjaya melawan inflasi dengan pulangan menarik. Purata 10 tahun itu ialah 11.37 peratus setahun," katanya.

- Bernama



PETRONAS DAGANGAN BERHAD (88222-D)

KEPUTUSAN TIDAK DIAUDIT BAGI SUKU TAHUN KEEMPAT BERAKHIR 31 MAC 2007

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengumumkan perkara berikut: